

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2016**  
**BAYARAN KHAS TAHUN 2016**

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Sistem Saraan</b>		
1.	Bagaimanakah Bayaran Khas Tahun 2016 dilaksanakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan?	Bayaran Khas Tahun 2016 dilaksanakan melalui pembayaran kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat pada tahun 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.
<b>Contract of Service/ Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>		
2.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak bermula dari 1 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017?	Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 jika tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.
3.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak bermula dari 19 Disember 2016 hingga 18 Mac 2017?	Tidak layak. Pegawai tidak boleh dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 kerana pegawai tidak memenuhi tempoh kontrak yang berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 September 2016 hingga 15 Oktober 2016 sahaja sedangkan tempoh kontrak	Layak. Pegawai boleh dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 kerana tempoh kontraknya telah berkuat kuasa selama 45 hari bermula 1 September 2016 hingga 15 Oktober 2016 (melebihi ketetapan tempoh kontrak yang telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
	sebenar bermula dari 1 September 2016 hingga 30 November 2016?	
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak yang pertama bermula dari 1 Februari 2016 hingga 30 April 2016 dan kemudian telah dilantik semula sebagai <i>Contract of Service/ PSH</i> melalui kontrak baharu bermula pada 12 Disember 2016 hingga 11 Mac 2017?	<p>Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 jika telah memenuhi tempoh kontrak berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.</p> <p>Walaupun pegawai tidak memenuhi tempoh sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut bagi kontrak baharu, tempoh kontrak pertama bermula 1 Februari 2016 hingga 30 April 2016 adalah terpakai bagi pengiraan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.</p>
6.	Adakah pegawai <i>Contract for Service</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016?	Pegawai <i>Contract for Service</i> adalah tertakluk kepada surat edaran Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/DS(S)10/79/28(S.K.1/2014)(37) bertarikh 11 November 2016 yang boleh dimuat naik melalui portal Kementerian Kewangan.
<b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b>		
7.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016?	Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza.
8.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik ke skim	Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
	perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016?	jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 di Perkhidmatan Awam Persekutuan.
9.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap pada 15 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 dengan mengambil kira beliau merupakan seorang bekas pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> di Jabatan Persekutuan yang telah berkhidmat melalui kontrak terdahulu bermula 1 April 2016 hingga 30 Jun 2016?	<p>Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 tertakluk kepada tempoh kontraknya sebagai seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.</p> <p>Walaupun tempoh perkhidmatan sebagai pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap tidak mencukupi bagi pengiraan tempoh sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016, tempoh perkhidmatan sebagai seorang bekas pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> di Jabatan Persekutuan melalui kontrak terdahulu bermula 1 April 2016 hingga 30 Jun 2016 adalah terpakai.</p>
<b>Hukuman Tatatertib</b>		
10.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada 22 Disember 2015 dan hukuman pelaksanaannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016?	<p>Pegawai layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 kerana <b>hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan pada tahun 2015</b> dan bukannya tahun 2016 walaupun pelaksanaannya melangkaui keseluruhan tahun 2016.</p> <p>lanya juga tertakluk telah memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.
11.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran sahaja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016?	Tidak layak. Pegawai tidak boleh dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 (perenggan 6.5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016) kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
<b>Pesara</b>		
12.	Berapakah kadar Bayaran Khas Tahun 2016 yang layak dibayar kepada pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dilantik semula dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan?	<p>Pesara ATM yang dilantik semula ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 pada kadar <b>RM500.00 sahaja</b> tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 dalam lantikan baharu tersebut.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.</p>